

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL [ KANGAR ]**

**TARIKH : 03 NOVEMBER 2014**

**SOALAN :**

**YB IR. Shaharuddin Bin Ismail [ Kangar ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah perancangan Kementerian untuk menaik taraf klinik-klinik kesihatan di negeri Perlis yang telah di bina lebih dari 20 tahun yang lalu yang didapati tidak dapat menampung pertambahan penduduk seperti di pekan Kuala Perlis.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memang mempunyai perancangan untuk menaik taraf klinik-klinik kesihatan sedia ada serta membina klinik-klinik baru yang akan dilaksanakan secara berperingkat bersesuaian dengan peruntukan yang diluluskan.

Bagi Negeri Perlis, dalam Rancangan Malaysia Ke- 10, Klinik Kesihatan Kg Gial sedia ada telah diluluskan untuk digantikan dengan Klinik Kesihatan yang baru.

Selanjutnya, KKM juga telah mengenal pasti keperluan untuk menaik taraf dengan membina baru Klinik Kesihatan Kuala Perlis sedia ada yang akan di pohon dalam RMK-11. Walau bagaimanapun, cadangan projek ini tidak dapat dilaksanakan di tapak klinik sedia ada yang sempit.

Oleh yang demikian, pihak Jabatan Kesihatan Negeri sedang mengenal pasti tapak yang bersesuaian untuk pembinaan klinik baru.